


Headline	BAWA HASIL SEGAR DARI LADANG		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Oct 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	12	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	826 cm ²
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 32,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,245



Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Sewal jam 6 pagi, sebahagian usahawan di Pasar Tani Mega Stadium Shah Alam di sini, bersedia menerima pelanggan sama ada individu atau peniaga yang membeli produk mereka.

Difahamkan, ada usahawan tani ini datang seawal jam 12 tengah malam, ada juga yang datang jam 4 pagi untuk membuat persediaan memasang khemah, menyusun barang jualan kerana peniaga bukan hanya dari Lembah Klang sebaliknya dari negeri lain termasuk Kedah.

Usahawan tani, Norzamah Husin, 48, dari Tanjong Karang berkata, dia berniaga sayur serta ulam kampung sejak pasar tani itu diwujudkan.

Katanya, produk diniagakan hasil titik peluhnya dengan menanam di kebun berhampiran rumah.

"Sebahagian besar barang jualan saya tanam sendiri. Saya gembira sebab dapat terus jual kepada pelanggan tanpa orang tengah.

"Ramai pembeli suka sayur dan ulam saya jual. Alhamdulillah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bantu dari segi pemasaran dan tapak ini sejak mula berniaga," katanya.

Sementara itu, sempena promosi wajah baharu Harian Metro dan Metro Ahad di tapak pasar berkenaan hari ini, dua artis popular Izzue Islam dan Aiman Tino turut diundang bagi memeriahkan program.

Program bermula jam 8 pagi itu turut memberi peluang kepada orang ramai beramah mesra dan mengambil gambar bersama penyanyi dan pelakon popular itu.

Dalam pada itu, peniaga, Muhd Yusuf Abdul Wahid, 27, yang menjual ikan segar selalu berkunjung ke sini kerana menemani bapanya berniaga.

Katanya, pengalaman lebih 10 tahun membolehkan dia mengendalikan perniagaan itu dengan lebih baik.

"Saya ambil alih perniagaan sejak ayah meninggal dunia lima tahun lalu.

"Setiap minggu, saya berniaga enam kali iaitu lima di bawah Fama dan satu di Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Saya peroleh bekalan dari Sekinchan dan Sungai Besar," katanya.

Sementara itu, pengunjung pasar berkenaan, Raja Roziana Raja Bidin berkata, sebab utama pasar tani itu

BAWA HASIL SEGAR DARI LADANG

Pasar Tani Mega Stadium Shah Alam tawar pelbagai komoditi utama, IKS



NORAZMAH (kiri) membantu pelanggannya memilih ulam yang dijual.

FOTO: SAIRIEN NAFIS



MUHD Yusuf menjual ikan yang dibawa dari Sekinchan dan Sungai Besar.



AIMAN Tino

IZZUE Islam



Ramai pembeli suka sayur dan ulam saya jual. Alhamdulillah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) bantu dari segi pemasaran dan tapak ini sejak mula berniaga.

Norzamah Husin



JUALAN daging tempatan segar antara yang menarik minat pengunjung.



RAJA Roziana menunjukkan barang dapur yang dibeli di Pasar Tani Mega Stadium Shah Alam.

menjadi pilihan kerana menjual pelbagai barangan di dalam satu tempat.

"Seronok berbelanja di sini, semua hasil yang dibawa segar dari ladang termasuk sayur dan lauk pauk.

"Begitu juga makanan yang boleh dinikmati selepas siap dimasak di gerai," katanya.

Difahamkan, 187 usahawan Pasar Tani Mega Stadium Shah Alam membabitkan komoditi utama iaitu sayur, ikan, ayam, ikan air tawar, daging, buah serta pelbagai produk Industri Kecil Sederhana (IKS).